



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55
No. 15

28hb Julai 2011

TAMBAHAN No. 98
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 253.

AKTA PUSAT JAGAAN 1993

**PERATURAN-PERATURAN PUSAT JAGAAN
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2011**

—————
SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN
—————

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Kesalahan boleh kompaun
3. Tawaran dan penyetujuteraan kompaun
4. Penyampaian Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan
5. Pembayaran kompaun

JADUAL

AKTA PUSAT JAGAAN 1993

PERATURAN-PERATURAN PUSAT JAGAAN (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21A dan seksyen 24 Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan (Pengkompunan Kesalahan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2011.

Kesalahan boleh kompaun

2. Semua kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun.

Tawaran dan penyetujeterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah dalam Borang 1 Jadual.

(2) Seseorang yang menyetujui terima tawaran untuk mengkompaun kesalahan hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dengan menggunakan Borang 2 Jadual.

Penyampaian Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan

4. (1) Bagi maksud subperaturan 3(1), Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 1 Jadual kepada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu melalui cara yang berikut:

- (a) serahan sendiri;
- (b) Resit Akuterima (A.R.) Pos Berdaftar kepada alamat terakhir yang diketahui; atau
- (c) dengan menampal Notis itu di pusat jagaan yang mudah untuk dilihat.

(2) Jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa adalah tidak praktikal untuk melaksanakan penyampaian Notis itu melalui cara yang dinyatakan dalam subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh menyampaikan Notis itu melalui apa-apa cara yang difikirkan patut.

(3) Penyampaian Notis di bawah perenggan 1(b) dan (c) dan subperaturan (2) ini hendaklah disifatkan sebagai serahan ke atas orang itu.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan boleh kompaun dibuat dan diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, apa-apa pembayaran kompaun hendaklah dibuat secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, arahan bank, cek jurubank atau draf bank dibayar kepada Ketua Pengarah dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(2) Pembayaran kompaun hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berbayar dahulu ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 1 Jadual.

(3) Suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap bayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

JADUAL

[Peraturan 3, 4 dan 5]

BORANG 1

AKTA PUSAT JAGAAN 1993

PERATURAN-PERATURAN PUSAT JAGAAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011

[Subperaturan 3(1)]

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Apabila menjawab sila nyatakan:

Nombor rujukan:

Tarikh:

Kepada:

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan*,

Suatu pemeriksaan telah dijalankan dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta* dengan butir-butir yang berikut:

(a) Peruntukan yang berkaitan di bawah Akta/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta*:

.....
.....
.....

(b) Tarikh:.....Masa:.....

(c) Tempat:.....
.....
.....

(d) Butir-butir kesalahan:
.....
.....
.....

2. Menurut seksyen 21A Akta, anda ditawarkan kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:.....). Pembayaran hendaklah dibuat secara tunai/melalui kiriman wang atau wang pos/perintah juruwang/ arahan bank/cek jurubank/draf bank* kepada Ketua Pengarah dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

3. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila bayaran diterima oleh Ketua Pengarah.

4. Tawaran untuk mengkompaun ini berkuat kuasa sehingga dan jika tiada apa-apa bayaran diterima pada atau sebelum tarikh itu, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh:

Cap rasmi:

.....
Untuk dan bagi pihak Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Malaysia

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

BORANG 2

AKTA PUSAT JAGAAN 1993

PERATURAN-PERATURAN PUSAT JAGAAN (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2011

[Subperaturan 3(2)]

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Nombor Laporan:

Kepada:
Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

.....
.....
.....
.....

Saya merujuk kepada Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan
..... bertarikh.....

2. Saya menerima tawaran untuk mengkompaun dan menyertakan bersama-sama ini wang
tunai/kiriman wang/wang pos/perintah juruwang/arahan bank/cek jurubank/draf bank*
No. bagi jumlah sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia:.....)
sebagai penyelesaian penuh jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Notis Tawaran
untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan:

Nama:
(*Dalam huruf besar*)

Nombor Kad Pengenalan:.....

Alamat:.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh:

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Dibuat 11 Julai 2011
[KPWK(M):09/06/08/2; PN(PU²)516/III]

SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat